

PART 2

2025 SPM SEJARAH

Prediction



**100% Guaranteed score if you follow us step by step
We have the strategies**

by SPM Intelligent Team
@studytips.com.my

PART 2

RAMALAN 2025 SPM SEJARAH

SPM KERTAS 2			RAMALAN
2021	2022	2023	2025
TINGKATAN 4 BAB 4: PERALIHAN KUASA BRITISH			
BMA - Sebab pelaksanaan Malayan Union - Bantahan Orang Melayu - Sebab / cara / iktibar	Malayan Union - Tujuan Sarawak - Sebab / kesan penyerahan		Sabah - Faktor penyerahan / reaksi penduduk SPM'24
TINGKATAN 4 BAB 5: PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948			
			- PTM maksud / faktor penubuhan / ciri-ciri / kesan / kepentingan - Sebab diterima / Cadangan Raja / UMNO - Jawatankuasa Kerja ahli / faktor / kesan cadangan
TINGKATAN 4 BAB 6: ANCAMAN KOMUNIS & DARURAT			
Komunis - Keganasan / cara atasi faktor / sebab - Komunis menguasai - Tentangan British			Komunis - Sebab keganasan komunis / tindakan kerajaan SPM'24 Darurat - Faktor / kesan / langkah
TINGKATAN 4 BAB 7: USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN			
Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1958 - Teras / cadangan - Kepentingan		Sistem Ahli - Anggota / portfolio - Ciri Sebab British setuju	- Ordinan Pelajaran 1952 SPM'24 - Laporan Woodhead 1955 SPM'24 CLC : - faktor / anggota kesan

PROJECT SKOR A

Hanya 15 minit sahaja setiap hari. Projek ini tidak mengambil masa anda tidak akan mengganggu aktiviti persediaan anda yang lain. Baca sahaja, dan tidak “Kena” tidak apa. Takut nanti **Terkena Tepat**, orang lain yang baca, “happy” manakala anda tidak baca pula yang rugi (termakan hati sendiri). Tambahan lagi, Tips yang diberi oleh Uncle Andrew, pada tahun-tahun lepas, terbukti banyak yang “Kena Tepat” juga.

By Uncle Andrew

PART 2

Ramalan 2025 SPM SEJARAH

Contoh Soalan dan Jawapan

TINGKATAN 4 BAB 4: PERALIHAN KUASA BRITISH

tiada ramalan baca balik past year

TINGKATAN 4 BAB 5: PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

1. Persekutuan Tanah Melayu diperkenalkan bagi menggantikan Malayan Union 1946.
Sebuah Jawatankuasa Kerja dibentuk bagi merangka Perjanjian PTM.

(a) Apakah cadangan Jawatankuasa Kerja kepada British? [3 markah]

Cadangan Jawatankuasa Kerja ialah penubuhan sebuah Persekutuan yang menyatukan semua negeri Melayu dalam satu pentadbiran. Selain itu, memulihkan semula kuasa Raja-Raja Melayu dan menjaga kepentingan orang Melayu dan kaum lain.

(b) Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 diperkenalkan? [3 markah]

Persekutuan Tanah Melayu 1948 diperkenalkan kerana Malayan Union ditentang oleh orang Melayu dan Raja-Raja Melayu apabila Malayan Union memberi kesan buruk kepada orang Melayu. Hal ini kerana jika Malayan Union dilaksanakan akan berlaku huru-hara di Tanah Melayu. Selain itu, PTM 1948 diperkenalkan atas cadangan Raja-Raja Melayu dan UMNO. Seterusnya, sokongan pentadbir British seperti Sir Edward Gent yang menyatakan PTM akan membawa keamanan kepada Tanah Melayu.

(c) Jelaskan kepentingan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu kepada pembinaan negara bangsa hari ini. [4 markah]

Kepentingan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu kepada pembinaan negara bangsa hari ini ialah PTM dapat melincinkan pentadbiran apabila sebuah Persekutuan yang menggabungkan semua negeri di Malaysia dibentuk. Hal ini akan menjadikan sistem pentadbiran lebih sistematik. Selain itu, PTM telah mewujudkan sebuah kerajaan pusat yang kukuh dan berdaulat. Seterusnya, PTM telah merintis kepada kemerdekaan negara. Selanjutnya, hak orang Melayu dijamin dalam perlembgaan dan hak kaum lain turut dilindungi oleh undang-undang.

2. Perkembangan politik antarabangsa dan serantau mempengaruhi gelombang politik di negara kita. Kesedaran politik yang tumbuh diserata tempat mencetuskan idea negara merdeka.

(d) Namakan dua parti politik yang terdapat di negara kita sebelum merdeka. [2 markah]

- (i) UMNO/ MCA / MIC
- (ii) Hizbul Muslimin/ PAS/ IMP

(e) Jelaskan matlamat salah satu parti di (a) [4 markah]

Matlamat penubuhan UMNO ialah UMNO ditubuhkan untuk menyatukan orang Melayu dan mempertahankan hak orang Melayu. Selain itu, UMNO mempertahankan kedudukan Raja-raja Melayu. Seterusnya, UMNO mempertahankan kedaulatan tanahair dengan menentang Malayan Union. Selanjutnya, UMNO memperjuangkan kemerdekaan negara. MCA pula bermatlamat menjadikan Tanah Melayu sebuah negara berbilang kaum dengan

mengamalkan amalan demokrasi. Seterusnya, MIC pula mahu bekerjasama dengan kaum lain untuk memperjuangkan kemerdekaan negara.

(f) Teliti petikan akhbar tersebut.

“Penubuhan parti politik baharu satu keunikan di negara kita” kata Perdana Menteri, Dato Seri Ismail Sabri.


Sumber: utusan.com.my

Jelaskan manfaat pembentukan kepelbagaian parti di negara kita?

[4 markah]

Manfaat pembentukan kepelbagaian parti di negara kita ialah pembentukan pelbagai parti politik akan menyuburkan amalan demokrasi. Selain itu, rakyat mempunyai banyak pilihan parti untuk disokong. Seterusnya, parti-parti berlumba-lumba memberi perkhidmatan yang terbaik untuk meraih sokongan. Oleh itu, pelbagai janji ditabur menggalakkan rakyat membuat keputusan yang bijak. Selanjutnya, kepelbagaian parti memperjuangkan agenda politik masing-masing dengan menuntut hak untuk kaum masing-masing. Akhir sekali, tidak wujud negara hanya satu parti (parti tunggal).

3. Gambar menunjukkan Raja-raja Melayu di hadapan King's House, Kuala Lumpur, selepas menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.



(a) Nyatakan dua cadangan Raja-Raja Melayu dan UMNO dalam pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [2 markah]

- F1 Penubuhan Persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan
- F2 Perjanjian baharu untuk menggantikan Malayan Union
- F3 Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor
- F4 Raja berkuasa dalam perundangan
- F5 Perkataan “Negeri-negeri Melayu” perlu muncul dalam persekutuan yang baharu

(b) Jelaskan kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dalam usaha membina negara dan bangsa Malaysia yang bersatu-padu. [4 markah]

- F1 Mengembalikan semula kuasa Raja-raja Melayu
- F2 Majlis Raja-raja diwujudkan melalui peruntukan Perjanjian PTM 1948
- F3 Pesuruhjaya Tinggi memastikan raja perlu dirujuk dalam bidang kuasa kerajaan persekutuan
- F4 Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu / kepentingan sah kaum lain
- F5 Membuka ruang kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara
- F6 Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal
- F7 Mewujudkan kerjasama antara kaum
- F8 Melalui penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum / CLC
- F9 Cadangan CLC dimasukkan ke dalam usul perundangan / diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan
- F10 Berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum

- F11 Merintis pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957
- F12 Membawa kepada kemerdekaan / negara berdaulat
- F13 British mengiktiraf dasar menaungi negeri Melayu seperti sebelum Perang Dunia Kedua.

(c) Pada pendapat anda, mengapakah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 boleh diterima penduduk Tanah Melayu? [4 markah]

- F1 Telah mengembalikan semula kuasa Raja-raja Melayu
- F2 Mewujudkan Majlis Raja-raja yang dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-raja Melayu
- F3 Pesuruhjaya Tinggi memastikan raja perlu dirujuk dalam bidang kuasa kerajaan persekutuan
- F4 Sultan berkuasa di peringkat negeri
- F5 Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu
- F6 Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal
- F7 Kepentingan sah kaum lain juga dijaga
- F8 Syarat kewarganegaraan juga telah diperketatkan
- F9 Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang / kewarganegaraan secara pendaftaran
- F10 Memupuk perpaduan / persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum
- F11 Merintis pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957
- F12 Membawa kepada kemerdekaan / negara berdaulat

TINGKATAN 4 BAB 6: ANCAMAN KOMUNIS & DARURAT

1. Darurat selama 12 tahun menyebabkan kesengsaraan dan kesulitan kepada penduduk tempatan. Pengisytiharan Darurat telah ditamatkan pada 31 Julai 1960 dan membuka lembaran baru kepada sejarah tanah air.

a) Jelaskan kesan sosioekonomi yang wujud akibat pelaksanaan darurat tersebut ? [3 markah]

- F1 berjuang pembelaan terhadap ketidakadilan British
- F2 Menyebabkan penderitaan dan kesengsaraan rakyat
- F3 Merenggangkan hubungan kaum
- F4 Korban nyawa

b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, wajarkah darurat dilaksanakan pada masa itu ? [3 markah]

Wajar kerana :

- F1 Mengekang fahaman komunis
- F2 Melindungi keselamatan penduduk
- F3 Mengembalikan keamanan
- F4 Menghalang kekejaman komunis
- F5 Menghalang bantuan kepada pihak komunis
- F6 Memulihkan ekonomi negara

c) Darurat mengajar kita betapa pentingnya keamanan. Pada pandangan anda, bagaimanakah keamanan negara hari ini dapat dikekalkan ? [4 markah]

- F1 Memantapkan perpaduan antara kaum
- F2 Kesedaran melalui kempen di media massa, media cetak & media social
- F3 Mengukuhkan ekonomi negara – kekayaan yang dinikmati Bersama
- F4 Hubungan diplomatik diperkukuhkan
- F5 Meningkatkan pertahanan dan keselamatan negara
- F6 Memastikan semua kaum dilayan dengan adil dan saksama

TINGKATAN 4 BAB 7: USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

1. Jawatankuasa Hubungan Antara kaum (CLC) telah ditubuhkan oleh Sir Malcolm MacDonald pada Januari 1949 untuk menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum.
 - a) Nyatakan dua wakil Tanah Melayu yang menjadi anggota CLC. [2 markah]
F1 Dato' Onn Jaafar
F2 Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz
 - b) Mengapakah CLC ditubuhkan ? [4 markah]
F1 Ketegangan hubungan antara kaum selepas Perang Dunia Kedua
F2 Menimbulkan kesedaran pemimpin kaum dan kerajaan British
F3 Kepentingan perpaduan kaum
F4 Kemerdekaan hanya akan dicapai setelah wujud kerjasama antara kaum
- c) Jelaskan kepentingan penubuhan CLC terhadap pembentukan perpaduan kaum. [4 markah]
F1 Kedudukan istimewa orang Melayu di negara ini diperakui
F2 Kepentingan sah kaum lain diiktiraf
F3 Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) ditubuhkan
F4 RIDA meningkatkan bantuan ekonomi kepada orang Melayu
F5 Kawasan luar bandar dimajukan
F6 Mewujudkan tolak ansur antara kaum
F7 Orang Melayu memberi persetujuan untuk melonggarkan syarat kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu
F8 Melahirkan semangat patriotik serta bertanggung jawab kepada negara
F9 Penubuhan jawatankuasa pendidikan untuk membentuk sistem untuk membentuk pendidikan seragam

LET SCORE A in SPM !

- Contoh soalan jawapan diberi adalah berdasarkan Ramalan SPM 2025
- Untuk pemahaman sepenuhnya, sila rujuk pada nota buku teks atau nota ringkas pada studytips apps.
- Kita pecahkan rekod SPM kali ini

Terms & Conditions

- The information provided is for education purposes only and should not be considered as leak of question papers.
- The organizer disclaims all liability for any loss, damage or personal suffered directly or indirectly from reliance on such information
- The tips provided are considered as **forecast questions** and there is no warranty of its accuracy
- However all effort has been made to provide the most possible tips towards SPM questions.

This PROJECT IS FREE

ONLY THOSE WHO WANT TO SCORE, NEED TO JOIN

REMEMBER: We are just trying to help!

Semua Hak Cipta Terpelihara telah berdaftar dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Tiada sebarang bahagian dalam buku ini boleh diterbitkan semula atau dionlinekan. Mereka yang melanggar boleh didakwa.